

'PM tidak bubar Parlimen sebelum Julai'

KUALA LUMPUR: Parti pembangkang yakin Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Yaakob tidak akan melanggar Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) sebelum akhir Julai tahun ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Komunikasi Pakatan Harapan (PH), Fahmi Fadzil berkata, Jawatankuasa Pemandu MoU perlu membincangkan mengenai keperluan untuk mengadakan PRU awal atau sebaliknya.

“Saya rasa tidak kerana kita tahu waktu ini sememangnya Perdana Menteri akan mengo-

takan janji yang terkandung dalam MoU, dalam masa yang sama, ada tiga, empat perkara yang sedang kita rundingkan.

“Tapi persefahaman ini bermula dengan titah Tuanku (Yang di-Pertuan Agong) mengenai kestabilan, yang kalah tak kalah semua, yang menang tak menang semua.

“Sekiranya Perdana Menteri menasihati Tuanku, belum tentu Tuanku akan kata setuju kerana isu pembubaran ini adalah satu di antara tiga perkara yang terletak di tangan Tuanku sepenuhnya. Jadi, untuk berkata Parlimen perlu dibubarkan sebelum Julai, ia melangkaui

kuasa kita untuk membuat pilihan bagi pihak Tuanku,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Semalam, Ismail Sabri memberi jaminan isu pembubaran Parlimen bagi memberi laluan kepada PRU15 akan dibincang dalam kalangan ‘Top five’ UMNO.

‘Top five’ merujuk kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Timbalan Presiden, Datuk Seri Mohamad Hasan serta tiga Naib Presiden iaitu Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Ismail Sabri.

Malah, desakan PRU awal lantang disuarakan perwakilan

termasuk sayap Pemuda dan Puteri UMNO.

Mengulas lanjut, ketika ditanya persediaan Pakatan harapan (PH) untuk pertembungan satu lawan satu dengan Barisan Nasional (BN), Fahmi berkata, pihaknya akan mencari strategi paling tajam untuk menewaskan BN pada PRU15 nanti.

“Kita semakin bersiap sedia ke arah PRU15 pada bila-bila masa. Dalam MoU tercatat bahawa Parlimen tidak boleh dibubarkan sebelum 31 Julai ini.

“Tetapi, dalam keadaan politik yang berbagai pada waktu ini, kita tidak boleh sambil lewa mengenai persiapan itu,” ujarnya.